

Cikgu Samuel diiktiraf dunia

Terserai 10 finalis terbaik Hadiah Guru Global 2020

Oleh: SARINA MOHD SOM

Guru Adiwira PAK21 dan Edufluencer, Samuel Isaiiah, melakar kejayaan di peringkat dunia apabila terserai dalam 10 finalis terbaik bagi menerima anugerah Hadiah Guru Global 2020.

Bakti dicurahkan selama lapan tahun di Sekolah Kebangsaan Runchang, Pekan, Pahang tidak sia-sia, apabila guru berasal dari Kuantan itu terus meniti kecemerlangan dalam kerjayanya sebagai pendidik.

Beliau yang kini melanjutkan pelajaran dalam bidang Kepimpinan dan Polisi Pendidikan (Pendidikan Global dan Perbandingan) di State University of New York di Albany, New York, Amerika Syarikat, memanjatkan rasa syukur kerana dapat membawa kecemerlangan dan kemenjadian murid orang asli ke peringkat antarabangsa.



Cikgu Samuel (tengah), bersama murid-murid orang asli, 'Sekolah Pokoknya'.

Menurut kenyataan penganjur Yayasan Varkey di London, Samuel yang lebih mesra dengan panggilan Cikgu Sam itu telah terpilih daripada 12,000 pencalonan daripada lebih 140 negara.

Anugerah pengiktirafan guru yang menawarkan hadiah bernilai US\$1 juta (RM4.16 juta) itu, turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-

Bangsa Bersatu (UNESCO).

Sebelum itu, pada tahun 2019, Cikgu Sam pernah terpilih sebagai Guru Adiwira Kebangsaan dan juga penerima Adiwira PAK21 (*Top 10*) dalam Kempen Guru PAK21.

Kredibiliti Guru Bahasa Inggeris, bernama Samuel Isaiiah Joel Christie Isaiiah dalam meningkatkan kemenjadian murid orang asli itu tidak boleh dinafikan lagi.

Menerusi projek pertukaran e-mel yang dikenali sebagai 'Asli E-Pal', membolehkan murid-murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan sukarelawan yang lebih dewasa dari dalam dan luar negara.

Selain itu, Cikgu Sam turut memperkenalkan program 'Speak Up With Poetry' (Bersuara Dengan Puisi), iaitu projek kerjasama beliau dengan penyair amatir yang menulis puisi berkaitan kebudayaan orang asli dan kemudiannya murid-murid boleh menontongnya dalam bentuk video ketika pembelajaran

Bahasa Inggeris di sekolah.

Dua program tersebut ternyata memberikan impak positif terhadap purata kelulusan mata pelajaran Bahasa Inggeris, daripada 30 peratus pada 2012, telah meningkat kepada 80 hingga 85 peratus pada tahun 2015 hingga 2018.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda, Pengajaran Bahasa Inggeris, Universiti Sains Malaysia berkembar dengan Institut Perguruan Pulau Pinang itu turut mewujudkan 'Sekolah Pokok' di sekitar kampung Runchang.

Ia bertujuan untuk membentuk ruang pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan mesra alam, selain sebagai usaha mengatasi masalah ketidakhadiran murid ke sekolah, sekaligus menarik minat mereka yang tidak pernah bersekolah, untuk belajar sama.

Usaha murni beliau turut mendapat pujian daripada Penolong Ketua Pengarah Pendidikan UNESCO, Stefania Giannini.

Selain menzahirkan ucapan tahniah atas pencapaian guru dari Malaysia itu, Stefania juga berharap ia dapat memberikan inspirasi kepada semua pendidik, sama ada di Malaysia mahupun di seluruh dunia.

Sementara itu, penganjur Anugerah Hadiah Guru Global 2020, Sunny Varkey berkata, anugerah tersebut diwujudkan bagi mengiktiraf peranan penting guru dalam masyarakat.


"Setiap kanak-kanak itu mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik. Justeru, usaha dan kreativiti yang ditunjukkan oleh guru-guru dari seluruh dunia ini seharusnya dipuji," katanya.

Yayasan akan mengumum-



ANUGERAH

- 10 finalis terbaik Hadiah Guru Global 2020.
- 50 finalis terbaik Hadiah Guru Global 2020.
- Edufluencer (KPM)
- Guru Adiwira Kebangsaan 2019
- Guru Adiwira PAK21 2019, (Finalis top 10) - Peringkat Kebangsaan.
- Golden Hearts Award - (2019).
- Anugerah Guru Inovatif Pekan, 2018 - Peringkat Daerah.
- Anugerah 'Best Teacher Award', ASEAN-ELT Conference, 2018. - Peringkat Antarabangsa.
- Anugerah Pencetus Inspirasi 2018, Majlis Pelancaran Laporan Tahunan 2017 - Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) - Peringkat Kebangsaan.
- Anugerah 'Gold Award Winner', Malachi Edwin, Creative Teacher Showcase, 2017 - MELTA (Malaysian English Language Teaching Association) - Peringkat Antarabangsa.
- Pemenang TN 50 - Pertandingan Menulis Essei, 2017, Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia. - Peringkat Kebangsaan.
- Cikgu (Teachers) In M'sia Who Used Crowdfunding To Make A Difference In Their Students' Lives, 2016 Top 8 teachers in Malaysia, Vulcan Post - Peringkat Kebangsaan.



Cikgu Samuel (tengah) rasa bangga kerana dapat membawa kecemerlangan murid orang asli ke peringkat antarabangsa.

kan 10 finalis, seorang demi seorang pada setiap minggu, sebelum acara kemuncak yang bakal berlangsung secara maya pada 3 Disember ini.

Antara finalis yang berjaya ke peringkat akhir adalah, Ranjitsinh Disale dari India, Olankanmi Opeifa (Nigeria), Jamie Frost (United Kingdom) Mokhodu Cynthia Machab (Afrika Selatan) dan ramai la